

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**  
**[SELAYANG]**  
**TARIKH : 08 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 27**

**Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan formula yang akan diguna oleh Syarikat Great Eastern untuk mengembalikan baki dana RM400 juta pada hujung tahun ini sekiranya jumlah ini tidak diguna habis dalam bayaran pada pesakit. Apakah cadangan Kerajaan terhadap baki dana yang akan dikembalikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Perlindungan Kesihatan Nasional mySalam (mySalam) adalah inisiatif Kerajaan Pakatan Harapan yang diperkenalkan pada Belanjawan 2019 bertujuan menyediakan perlindungan kesihatan takaful percuma kepada individu B40 yang juga penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) berumur 18 hingga 55 tahun, serta pasangan mereka. Inisiatif ini menjadi realiti melalui kerjasama dengan syarikat insurans, Great Eastern Holdings yang bersetuju menyumbang caruman dana permulaan sebanyak RM 2 bilion ke dalam dana amanah mySalam. Kos caruman takaful diberikan pada harga RM112 setiap tahun untuk tempoh lima (5) tahun.

Liputan Skim mySalam adalah terhad kepada dana sedia ada. Inisiatif ini memberi fokus untuk beban kewangan sesebuah isi rumah apabila pencari nafkah utama isi rumah (breadwinner) dimasukkan ke hospital kerana sakit atau menghadapi penyakit kritikal.

Pakej yang ditawarkan oleh Great Eastern telah disemak oleh pihak Bank Negara Malaysia supaya mendapat nilai terbaik untuk rakyat dan dikawal selia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Great Eastern juga tidak akan mendapat apa-apa keuntungan daripada Skim ini kerana sebarang lebihan perlu disumbang semula ke dalam dana mySalam selepas selesai tempoh skim selama lima (5) tahun. Premium yang telah dibayar kepada pengendali takaful untuk menguruskan Skim ini akan digunakan untuk membayar tuntutan daripada benefisiari, mengikut kriteria yang telah ditetapkan untuk kelayakan tuntutan. Sekiranya jumlah tuntutan kurang daripada premium yang telah dibayar untuk takaful, lebihan akan disumbang semula ke Dana Perlindungan Nasional B40, untuk jangka panjang keseluruhan Skim mySalam ini dan bagi faedah benefisiari.